



**UNIT PEMODENAN TADBIRAN DAN PERANCANGAN  
PENGURUSAN MALAYSIA (MAMPU)  
JABATAN PERDANA MENTERI**

**LAPORAN  
KAJIAN SEPARUH PENGGAL  
PERANCANGAN STRATEGIK  
MAMPU 2010**

**DI  
PUSAT KONVENSYEN ANTARABANGSA  
PUTRAJAYA**

**20 JULAI 2010**

## **1. PENGENALAN**

- 1.1 Penetapan Sasaran Kerja Tahunan (SKT) MAMPU telah dilaksanakan dalam **Seminar Perancangan Strategik** yang diadakan di **Awana, Genting Highlands** pada **6 – 7 Februari 2010**. Sebanyak **607 program/projek/aktiviti** telah dikenalpasti untuk dilaksanakan pada tahun 2010 oleh kesemua sektor. Bagi tujuan pemantauan dan pencapaian sasaran, kesemua program/projek/aktiviti telah dikunci masuk ke dalam sistem **myPrestasi**.
- 1.2 **Seminar Kajian Separuh Penggal Perancangan Strategik MAMPU** telah diadakan di **Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya** pada **20 Julai 2010**. Seminar ini telah dihadiri oleh seramai **66 peserta** terdiri dari pengurusan tertinggi dan pegawai-pegawai kanan MAMPU. Senarai kehadiran adalah seperti di **Lampiran 1** dan atur cara seminar adalah seperti di **Lampiran 2**.

## **2. OBJEKTIF**

Objektif Seminar Kajian Separuh Penggal Perancangan Strategik adalah untuk:

- 2.1 membentangi prestasi/pencapaian Perancangan Strategik MAMPU bagi tempoh separuh penggal (Januari – Jun 2010);
- 2.2 menganalisis perubahan pada Perancangan Strategik 2010 MAMPU; dan
- 2.3 membentangi hasil Kajian Semula Pelan Strategik MAMPU (PSM) 2008 -2012.

## **3. PERUTUSAN Pengerusi**

- 3.1 YBhg. Dato' Ketua Pengarah telah merakamkan ucapan tahniah kepada semua Bahagian/Cawangan kerana telah berusaha melaksanakan program/projek/aktiviti masing-masing

yang telah dirancang. Sebahagian daripada program/projek/aktiviti tersebut telah mencapai tahap **gemilang** dan **cemerlang**. Antara projek tersebut seperti **Projek Pengoperasian EG Helpdesk** dan pembangunan **Pelan Strategik Integriti (PSI) Sektor Awam**.

- 3.2 Bagaimanapun, bagi program/projek/aktiviti yang berada dalam keadaan lemah **tindakan menstrategi semula** perlu diambil segera supaya kelemahan program/projek/aktiviti tersebut dapat diatasi. Program/projek/aktiviti yang dilaksanakan hendaklah mencerminkan aspirasi Kerajaan seperti **Gagasan 1Malaysia, Program Transformasi Kerajaan (GTP), Model Ekonomi Baru (MEB)** dan selaras dengan perancangan untuk **Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe-10)**.
- 3.3 YBhg. Dato' Ketua Pengarah turut menyentuh mengenai prestasi perbelanjaan peruntukan MAMPU sehingga Jun sebanyak **RM63,712,003.65** atau **21.8%** daripada peruntukan tahun 2010. Beliau juga telah memaklumkan tentang peningkatan pengisian perjawatan sebanyak **91 anggota** yang menjadikan jumlah keseluruhan jawatan yang diisi sebanyak **630 anggota** pada tahun ini berbanding **587 anggota** pada tahun 2009 dan berharap pertambahan dari segi pengisian perjawatan dapat memacu prestasi MAMPU secara keseluruhan.
- 3.4 Untuk menjadikan MAMPU sebuah agensi yang berjaya, warga MAMPU perlu **berkongsi tanggungjawab** selaku **1MAMPU** dan memberi **komitmen** untuk menjayakan **agenda transformasi MAMPU** dan **agenda transformasi Sektor Awam**. Teks perutusan YBhg. Dato' Ketua Pengarah adalah seperti di **Lampiran 3**.

#### **4. PENCAPAIAN KESELURUHAN SEPARUH PENGGAL MAMPU**

- 4.1 Tempoh Kajian Separuh Penggal adalah sehingga **30 Jun 2010**. Pemantauan dan pengukuran pencapaian sasaran

adalah menerusi sistem **myPrestasi** yang menggunakan pengukuran **index point** seperti berikut:



- (a) Gemilang (ungu) = 24 *index point*  
(>100% daripada sasaran)
- (b) Cemerlang (biru) = 20 *index point*  
(>90% daripada sasaran)
- (c) Baik (hijau) = 16 *index point*  
(81 – 89.9% daripada sasaran)
- (d) Sederhana(kuning) = 12 *index point*  
(80 – 80.9% daripada sasaran)
- (e) Lemah (merah) = 6 *index point*  
(<80% daripada sasaran)

4.2 Pencapaian keseluruhan MAMPU sehingga Jun 2010 adalah berada di tahap **cemerlang** dengan **20.79 index point** di mana pencapaian sasaran adalah melebihi 90 peratus.

4.3 Sejumlah **607 program/projek/aktiviti** telah dirancang secara keseluruhan untuk tahun 2010 dan pencapaiannya adalah seperti berikut:

<b>Bil</b>	<b>Sektor</b>	<b>Bil Program/Projek</b>	<b>Pencapaian (<i>Index Point</i>)</b>
1.	ICT	299	19.53
2.	Pengurusan	173	20.33
3.	PT	135	22.51
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>607</b>	<b>20.79</b>

Nota:

Keseluruhan *index point* adalah  $19.53+20.33+22.51 / 3 = 20.79$

- 4.4 Pencapaian mengikut **Teras (Teras Strategik 1 hingga 6)** secara keseluruhan adalah sebanyak **20.45 *index point*** manakala pencapaian keseluruhan mengikut **KRA (KRA 1 hingga 5)** adalah sebanyak **20.63 *index point***. (Sila rujuk Lampiran 4)

## 5. PENCAPAIAN SEKTOR

Pencapaian sektor adalah meliputi sektor Pengurusan iaitu Bahagian Perancangan dan Komunikasi Korporat (BPKK) dan Bahagian Khidmat Pengurusan Sumber Manusia (BKPSM). Sektor ICT merangkumi Bahagian Dasar dan Perancangan ICT (BDPICT), Bahagian Pematuhan ICT (BPICT), Bahagian Perkhidmatan Gunasama ICT (BPGICT), Bahagian Pembangunan dan Pengurusan EG (BPPEG), Bahagian eKL dan Pasukan Perunding ICT (PPICT). Sektor Pengurusan Transformasi merangkumi Bahagian Transformasi Sektor Awam (BTSA), Bahagian Pengurusan Pembangunan (BPP), Bahagian Inspektorat dan Pengiktirafan (BIP) dan Cawangan MAMPU Sabah serta Cawangan MAMPU Sarawak.

## 5.1 SEKTOR PENGURUSAN: BPKK

5.1.1 Pencapaian keseluruhan BPKK adalah di tahap **cemerlang** dengan **20.00 index point** merangkumi kesemua Seksyen yang terlibat iaitu **Seksyen Perancangan dan Koordinasi** sebanyak **20.00 index point**; **Seksyen Promosi dan Dokumentasi** sebanyak **20.00 index point**; dan **Seksyen Komunikasi Korporat dan Antarabangsa** sebanyak **20.00 index point**.

5.1.2 **Lapan (8) program utama** BPKK adalah seperti berikut:

- (a) Promosi;
- (b) Penyelarasan dan Keurusetiaan Mesyuarat;
- (c) Perancangan Strategik;
- (d) Pengurusan Pelanggan;
- (e) Pengurusan laman web dan Portal K-MAMPU;
- (f) Imej Korporat;
- (g) Penerbitan; dan
- (h) Hubungan Antarabangsa.

Sebanyak **39 projek** telah **dirancang** untuk tahun 2010. Setelah dikaji semula **2 projek digugurkan** dan **1 projek ditambah**. Keseluruhan bilangan projek terkini adalah sebanyak **38 projek**.

Projek yang digugurkan adalah seperti berikut:

- (a) **pemantapan pengurusan ilmu menerusi portal K-MAMPU**; dan
- (b) **program peningkatan imej** melalui pembangunan modal insan. Program ini digugurkan untuk mengelakkan pertindihan program kerana program melibatkan latihan/bengkel/seminar dipusatkan bawah Unit Latihan, BKPSM.

Projek 5.1.4 (a) yang digugurkan digantikan dengan cadangan mengadakan **promosi pembudayaan Portal K-MAMPU**.

Tumpuan bagi separuh penggal kedua BPKK meliputi aktiviti berikut:

- (a) memantau pencapaian SKT MAMPU;
- (b) mempergiat program promosi Perkhidmatan Awam;
- (c) memperkasa pengurusan pelanggan;
- (d) mempertingkatkan imej korporat MAMPU menerusi program imej dan *rebranding* MAMPU;
- (e) mewujudkan sistem pengurusan aduan yang lebih efektif dan efisien;
- (f) memperkukuh pakatan strategik dengan agensi antarabangsa; dan
- (g) mempergiat penggunaan K-MAMPU dan Enterprise Portal MAMPU (EPM).

5.1.7 Slaid pembentangan BPKK adalah seperti di **Lampiran 5**.

## **5.2 SEKTOR PENGURUSAN: BKPSM**

5.2.1 Pencapaian keseluruhan BKPSM adalah di tahap **cemerlang** dengan **20.50 index point**. Pencapaian **Seksyen Kewangan dan Akaun** adalah sebanyak **17.88 index point**, **Seksyen Pentadbiran** sebanyak **20.00 index point**, **Seksyen Sumber Manusia** sebanyak **21.00 index point** dan **Seksyen Teknologi Maklumat** sebanyak **16.09 index point**.

5.2.2 Sebanyak **134 program/projek/aktiviti** telah **dirancang** untuk tahun 2010. Setelah dikaji semula **9 aktiviti digugurkan**, **25 aktiviti ditambah** dan **12 aktiviti dipinda**. Keseluruhan bilangan program/projek/aktiviti terkini adalah sebanyak **150 program/projek/aktiviti**.

5.2.3 Beberapa aktiviti berikut perlu diberi perhatian/penambahbaikan:

- (a) menaiktaraf sistem kewangan (SPAKew) versi 2;
- (b) pelupusan aset ICT;
- (c) sistem GOE; dan
- (d) pelaksanaan penilaian risiko aplikasi myRAM.

5.2.4 Sasaran projek di bawah Seksyen Teknologi Maklumat perlu dilihat dan ditambahbaik bagi mengelakkan kelewatan. Cadangan telah dikemukakan supaya

kerjasama pembangunan sistem dijalin dengan PPICT untuk mengatasi masalah sumber manusia dan kepakaran.

5.2.5 Tumpuan untuk separuh penggal kedua BKPSM meliputi tindakan berikut:

- (a) pemantauan secara berkala program/projek/aktiviti mengikut perancangan dan *timeline* yang ditetapkan;
- (b) penambahbaikan dari semasa ke semasa termasuk membuat persediaan awal dan sistematik bagi pelaksanaan program/projek/aktiviti yang dirancang;
- (c) memaksimum penggunaan sumber dalam pelaksanaan sesuatu program;
- (d) menjalin kerjasama dengan lain-lain bahagian dan cawangan untuk memobilisasikan keupayaan dan menjana kepakaran;
- (e) mengurus perancangan perolehan dengan cekap untuk mengelak kelewatan;
- (f) penilaian menerusi Kajian Kepuasan Bekerja Warga MAMPU; dan
- (g) menjalin kerjasama dengan Pegawai Tadbir setiap Bahagian/cawangan.

5.2.6 Slaid pembentangan BKPSM adalah seperti di **Lampiran 6**.

### 5.3 SEKTOR ICT

5.3.1 Secara keseluruhan pencapaian Sektor ICT adalah **cemerlang** iaitu dengan **19.53 index point**. Indeks pencapaian setiap Bahagian adalah seperti berikut:

- (a) BPPEG - 20.00 *index point*;
- (b) BPGICT - 20.77 *index point*;
- (c) BPICT - 17.67 *index point*;
- (d) BDPICT - 19.50 *index point*;
- (e) BeKL - 20.50 *index point*;
- (f) PPICT - 20.00 *index point*.



5.3.2 Sektor ICT telah merancang sebanyak **299 projek** untuk tahun 2010. Pembahagian projek adalah seperti berikut:

<b>Bil.</b>	<b>Bahagian</b>	<b>Jumlah Program</b>
1.	BDPICT	57
2.	BPICT	61
3.	BPGICT	37
4.	BPPEG	21
5.	BeKL	21
6.	PPICT	102
	<b>Jumlah Projek Dirancang</b>	<b>299</b>

5.3.3 Bagi Kajian Separuh Penggal tindakan berikut telah dicadangkan:

<b>Bahagian</b>	<b>Bilangan program/projek/aktiviti</b>				
	<b>Sedia ada</b>	<b>Gugur</b>	<b>Pinda</b>	<b>Tambah</b>	<b>Jumlah Terkini</b>
BDPICT	57	3	1	18	72
BPICT	61	1	11	11	71
BPGICT	37	4	1	1	34
BPPEG	21	16*	12*	4 15*	24
BeKL	21	2	0	3	22
PPICT	102	1	0	14	115
<b>Jumlah</b>	<b>299</b>	<b>27</b>	<b>25</b>	<b>66</b>	<b>338</b>

Nota:

\* Merujuk kepada aktiviti di bawah projek.

5.3.4 Beberapa program/projek/aktiviti berikut yang lemah pencapaiannya perlu diberi perhatian/penambahbaikan supaya dapat dilaksanakan. Antaranya:

- (a) projek Pembangunan ISP Sektor Awam 2011 -2015 (BDPICT);
- (b) pelaksanaan Pengurusan Kesyukuran Kesinambungan Perkhidmatan (PKP) MAMPU (BPICT);

- (c) Kajian ICT Sektor Awam (BDPICT); dan
- (d) program pembangunan Pusat Simulasi GCERT (BPICT).

5.3.5 Sebagai langkah ke hadapan, halatuju Sektor ICT adalah untuk **mempertingkatkan perkhidmatan *online*** Sektor Awam menerusi strategi "**1MAMPU Gerak Online**".

5.3.6 Strategi "**1MAMPU Gerak Online**" dilaksanakan dengan (a) **menetapkan dan memberi keutamaan kepada perkhidmatan yang boleh dilaksanakan secara *online***; dan (b) **menumpukan pelaksanaan perkhidmatan *online* ke kawasan wilayah ekonomi seperti *Iskandar Economic Region Development (IRD), East Corridor Economic Region (ECER), North Corridor Economic Region (NCER), Sarawak Corridor for Renewable Energy (SCORE) dan Sabah Development Council (SDC)***.

5.3.7 Slaid pembentangan Sektor ICT adalah seperti di **Lampiran 7**.

#### **5.4 SEKTOR PENGURUSAN TRANSFORMASI (PT)**

5.4.1 Secara keseluruhan pencapaian Sektor PT adalah **cemerlang** dengan **22.51 *index point***. Indeks pencapaian setiap Bahagian adalah seperti berikut:

- (a) BTSA - 24.00 *index point*;
- (b) BPP - 22.00 *index point*;
- (c) BIP - 24.00 *index point*;
- (d) Sabah - 23.43 *index point*;
- (e) Sarawak - 20.63 *index point*;

5.4.2 Sektor PT telah merancang sebanyak **135 projek** untuk tahun 2010. Pembahagian projek adalah seperti berikut:

<b>Bil.</b>	<b>Bahagian</b>	<b>Jumlah Program</b>
1.	Transformasi Sektor Awam (BTSA)	10

2.	Pembangunan Pengurusan (BPP)	23
3.	Inspektorat dan Pengiktirafan (BIP)	19
4.	Cawangan Sabah	46
5.	Cawangan Sarawak	37
	<b>Jumlah Projek Dirancang</b>	<b>135</b>

5.4.3 Bagi Kajian Separuh Penggal tindakan berikut telah dicadangkan:

Bahagian	Bilangan Program				
	Sedia ada	Gugur	Pinda	Tambah	Jumlah Terkini
BTSA	10	2	-	4	12
BPP	23	1	-	1	23
BIP	19	2	2	-	17
Sabah	46	-	12	2	48
Sarawak	37	1	4	2	38
<b>Jumlah</b>	<b>135</b>	<b>6</b>	<b>18</b>	<b>9</b>	<b>138</b>

5.4.4 Beberapa program/projek/aktiviti berikut yang lemah pencapaiannya perlu diberi perhatian/penambahbaikan pelaksanaannya. Antaranya:

- (a) pengauditan Amalan 5S (BIP)
- (b) program *outreach* Peguhaman Sistem Penyampaian Perkhidmatan Awam di Sarawak (MAMPU Sarawak)
- (c) bengkel *Business Process Reengineering* (BPR) (BPP)

5.4.5 Langkah ke hadapan yang akan dilaksanakan oleh Sektor PT adalah memberikan tumpuan ke atas pendekatan pelaksanaan menerusi:

- (a) penggubalan dasar;
- (b) khidmat rundingan;
- (c) kajian pengurusan; dan
- (d) pemantauan dan pengiktirafan.

5.4.6 Agensi yang akan diberikan tumpuan adalah seperti berikut:

- (a) agensi yang mendapat kurang daripada 3 bintang di dalam *Star Rating* (SSR);
- (b) agensi kritikal yang berkaitan dengan daya saing negara/NKRA/berimpak tinggi;
- (c) agensi yang berpotensi dalam pengiktirafan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa; dan
- (d) pihak berkuasa tempatan/pejabat daerah dan tanah.

5.4.7 Slaid pembentangan Sektor PT adalah seperti di **Lampiran 8**.

## **6. KAJIAN SEMULA PELAN STRATEGIK MAMPU 2008 - 2012**

6.1 Pelan Strategik MAMPU (PSM) 2008 - 2012 telah disemak untuk memastikan ianya adalah selaras dengan perubahan semasa dan keperluan *stakeholders* serta pelanggan MAMPU.

6.2 Kajian semula telah dilakukan oleh Jawatankuasa Kerja Semakan Semula yang dipengerusikan bersama oleh TKP (ICT) dan TKP (PT), dianggotai oleh Pengarah Bahagian/Cawangan dan Pakar Runding ICT. Setiap Pasukan Semakan Semula telah meneliti teras strategik MAMPU seperti berikut:

- (a) Teras 1 – Pasukan Semakan Semula 1;
- (b) Teras 2 – Pasukan Semakan Semula 2;
- (c) Teras 3,4,5 – Pasukan Semakan Semula 3; dan
- (d) Teras 6 dan 7 – Pasukan Semakan Semula 4.

6.3 Slaid pembentangan Hasil Kajian Semula Pelan Strategik MAMPU adalah seperti di **Lampiran 9**.

6.4 PSM 2008 -2012 yang dibentangkan perlu ditambahbaik dan pindaan yang dilakukan hendaklah dimuktamadkan selewat-lewatnya pada bulan **Ogos** untuk membolehkan Pelan ISP Sektor ICT diterbitkan.

## 7. CADANGAN PENAMBAHBAIKAN

7.1 Satu cadangan penambahbaikan telah dikemukakan untuk memastikan penggunaan sistem myPrestasi dapat difahami dan dimaksimumkan. Cadangan adalah supaya **satu panduan diedarkan** untuk memaklumkan kepada semua pengguna sistem myPrestasi kaedah pengukuran yang bersesuaian dengan pelaksanaan setiap program/projek/aktiviti yang dilaksanakan oleh setiap Bahagian/cawangan. Tiga (3) kaedah pengukuran yang boleh dilakukan pada masa ini adalah berdasarkan kepada **bilangan, peratusan pencapaian** serta **service level agreement (SLA)**.

## 8. RUMUSAN

8.1 Status pencapaian sasaran program/projek untuk kajian Separuh Penggal Perancangan Strategik adalah seperti berikut:

- (a) sebanyak **607 program/projek/aktiviti telah dirancang** untuk tahun 2010;
- (b) sebanyak **111 program/projek/aktiviti** berada dalam tahap **gemilang**;
- (c) sebanyak **344 program/projek/aktiviti** berada dalam tahap **cemerlang**;
- (d) sebanyak **10 program/projek/aktiviti** berada dalam tahap **baik**;
- (e) sebanyak **3 program/projek/aktiviti** berada dalam tahap **sederhana**;
- (f) sebanyak **28 program/projek/aktiviti** berada dalam tahap **lemah**; dan
- (g) baki sebanyak **111 program/projek/aktiviti** adalah program/projek/aktiviti yang belum dimulakan.

8.2 Bilangan program/projek/aktiviti yang **ditambah, dipinda, digugur** mengikut Sektor adalah seperti berikut:

Bil.	Sektor	Sedia ada	Ditambah	Dipinda	Digugur	Jumlah Terkini
1.	Pengurusan	173	26	12	11	188
2.	PT	135	9	18	6	138
3.	ICT	299	66	41	27	338
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>607</b>	<b>101</b>	<b>71</b>	<b>44</b>	<b>664</b>

- 8.3 Sebarang **pindaan** kepada program/aktiviti/projek Bahagian/Cawangan hendaklah dikemukakan **Pengarah** kepada **Mesyuarat Pengurusan Tertinggi (MPKM)** untuk diperakukan. Pindaan hendaklah dikemukakan menerusi ***change request form*** kepada urus setia Perancangan Strategik (BPKK) dan dilakukan secara ***online***.
- 8.4 Pelan Strategik MAMPU 2008 – 2012 perlu ditambahbaik dan dimuktamadkan selewat-lewatnya pada **Ogos 2010**.
- 8.5 Panduan kaedah pengukuran akan dikaji oleh pasukan myPrestasi dan urus setia. Taklimat dan perbincangan akan diadakan dari masa ke semasa untuk membolehkan sistem myPrestasi dimaksimumkan penggunaannya.

**SENARAI KEHADIRAN**

**HADIR**

1. YBhg. Dato' Mohamad Zabidi Zainal - Pengerusi  
Ketua Pengarah MAMPU
2. YBhg. Dato' Dr. Nor Aliah binti Mohd Zahri  
Timbalan Ketua Pengarah (ICT)
3. YBrs. Encik Ab Rahim bin Md. Noor  
Timbalan Ketua Pengarah (PT)

**Ketua Perunding ICT**

4. Encik Wan Mohd Rosdi bin Wan Dolah  
Ketua Perunding ICT (Teknikal)
5. Dr. Mokhtar bin Mohd Yusof  
Ketua Perunding ICT (Strategis)
6. Dr. Azizah binti Abd. Manan  
Ketua Perunding ICT (Pembangunan Sistem)

**Pengarah-pengarah Bahagian**

7. Tuan Haji Muhammad Rosli bin Abd Razak  
Pengarah Dasar dan Perancangan ICT
8. Encik Osman bin Abdul Aziz  
Pengarah Pematuhan ICT
9. Puan Hjh Umi Kalthom binti Hj Mohamad Din  
Pengarah Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia
10. Encik Surendran C.K Balan  
Pengarah Inspektorat dan Pengiktirafan

11. **Dr. Zulkefli bin Ibrahim**  
**Pengarah Pembangunan Pengurusan**
12. **YBhg. Datin Maimon binti Sulaiman**  
**Pengarah Bahagian Pembangunan Gunasama ICT**
13. **Dr. Mazlan bin Yusof**  
**Pengarah Transformasi Sektor Awam**
14. **Dr. Sapiah binti Haji Sakri**  
**Pengarah eKL**
15. **Puan Parmjit Kaur**  
**Pengarah Pembangunan dan Pengurusan EG**
16. **Encik Remeli bin Awang**  
**Pengarah Cawangan Sabah**
17. **Encik Mohd Khamde Khuzaini bin Tukiman**  
**Pengarah Perancangan dan Komunikasi Korporat**
18. **Tuan Haji Mohd Shahabuddin bin Omar**  
**Pengarah Cawangan Sarawak**
19. **Puan Mazidah binti Abdul Rahim**  
**Ketua Pasukan Perunding ICT Sektor Awam**

**Pakar Perunding ICT**

20. **Encik Kathirrasan A/L Kupusamy**  
**Perunding ICT Sektor Awam**
21. **Puan Hajah Nor'ini binti Ab. Rahman**  
**Perunding ICT Sektor Awam**
22. **Dr. Suhazimah binti Dzazali**  
**Perunding ICT Sektor Awam**
23. **Puan Salmah binti Khairuddin**  
**Perunding ICT Sektor Awam**



24. **Dr. Zahari bin Othman  
Perunding ICT Sektor Awam**
25. **Encik Mohd Nor bin Hassan  
Perunding ICT Sektor Awam**
26. **Dr. Mohamad Zainuddi bin Mat Taib  
Perunding ICT Sektor Awam**

**Timbalan-timbalan Pengarah**

27. **Puan Tan King Ing  
Timbalan Pengarah Dasar dan Perancangan ICT**
28. **Encik Nik Azmin bin Nik Hussain  
Timbalan Pengarah Dasar dan Perancangan ICT**
29. **Puan Norhamimah binti Ibrahim  
Timbalan Pengarah eKL**
30. **Puan Sophia binti Hashim  
Timbalan Pengarah Pematuhan ICT**
31. **Encik Mohd. Danial bin Ma'alip  
Timbalan Pengarah Pembangunan Pengurusan EG**
32. **Encik Azman bin Mohd Yusof  
Timbalan Pengarah EKL**
33. **Puan Susie Dorai Raj  
Timbalan Pengarah Pembangunan dan Pengurusan EG**
34. **Puan Azlin Lee binti Abdullah  
Timbalan Pengarah Pembangunan Pengurusan**
35. **Encik Abdul Aziz bin Abdullah  
Timbalan Pengarah Gunasama ICT**
36. **Puan Azizah binti Bakar  
Timbalan Pengarah Pembangunan dan Pengurusan EG**

- 37. Puan Norhalina binti Abdul  
Timbalan Pengarah eKL**
- 38. Cik Rodziah binti Puteh  
Timbalan Pengarah Pematuhan ICT**
- 39. Encik Suhaime bin Mahbar  
Timbalan Pengarah Tranformasi Sektor Awam**
- 40. Cik Rokiah binti Md Idris  
Timbalan Pengarah Pematuhan ICT**
- 41. Encik Kalibaskaran a/l Muniandy  
Timbalan Pengarah Inspektorat dan Pengiktirafan**
- 42. Puan Siti Hajar binti Hassan  
Timbalan Pengarah Pembangunan Pengurusan**
- 43. Puan Haizan binti Yusoff  
Timbalan Pengarah Gunasama ICT**
- 44. Puan Zaiton binti Awang Mohammed  
Timbalan Pengarah Transformasi Sektor Awam**
- 45. Encik Khairuddin bin Yahaya  
Timbalan Pengarah Dasar dan Perancangan ICT**
- 46. Puan Norziatulshima binti Tajuddin  
Timbalan Pengarah Pembangunan Pengurusan EG**
- 47. Puan Nooraini binti Md Ali  
Timbalan Pengarah Pembangunan Pengurusan**
- 48. Puan Safiah binti Ghani  
Timbalan Pengarah Gunasama ICT**
- 49. Encik Turidi bin Mad  
Timbalan Pengarah Dasar dan Perancangan ICT**

50. Tuan Haji Mohd Puad bin Zainal Abidin  
Timbalan Pengarah Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia
51. Puan Zaiha binti Mat Nor  
Timbalan Pengarah Gunasama ICT
52. Encik Mohd Zabri bin Yusof  
Timbalan Pengarah Transformasi Sektor Awam

**Pasukan myPrestasi**

53. Puan Azlina binti Azman  
Ketua Penolong Pengarah Dasar dan Perancangan ICT
55. Pn. Salmiza binti Shahrman  
Penolong Pengarah Dasar dan Perancangan ICT
54. Puan Nur Amie binti Ismail  
Penolong Pengarah Dasar dan Perancangan ICT

**TURUT HADIR**

55. Puan Siti Hawa binti Mahadi  
Ketua Penolong Pengarah eKL
56. Encik Wan Mohd Rahim bin Yusof  
Ketua Penolong Pengarah Perancangan dan Komunikasi Korporat
57. Y.M Tengku Mohd Dzaraif bin Raja Abdul Kadir  
Ketua Penolong Pengarah Transformasi Sektor Awam
58. Encik Mohd Azani bin Jabar  
Ketua Penolong Pengarah Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia
59. Encik Mohamad Khairul Hafiz bin Juni  
Penolong Pengarah Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia

**60. Encik Lukman bin Zulkifly  
Penolong Pengarah Transformasi Sektor Awam**

**61. Puan Wicitra Suwanno a/p Pet  
Penolong Pengarah Transformasi Sektor Awam**

**URUSETIA**

**62. Puan Norsuhana binti Azman  
Ketua Penolong Pengarah Perancangan dan Komunikasi  
Korporat**

**63. Cik Mazliana binti Jalaludin  
Penolong Pengarah Perancangan dan Komunikasi  
Korporat**

**64. Puan Joeslinda Syazwani Mansor  
Penolong Pengarah Perancangan dan Komunikasi  
Korporat**

**65. Puan Nurulaina Nadzeri  
Penolong Pengarah Perancangan dan Komunikasi Korporat**

**TIDAK HADIR DENGAN MAAF**

**1. Puan Noriati binti Baharum  
Perunding ICT Sektor Awam**

**2. Encik Mooi Wah Kian  
Timbalan Pengarah Inspektorat dan Pengiktirafan**

**3. Encik Iskandar bin Mohd Kaus  
Timbalan Pengarah Inspektorat dan Pengiktirafan**

**4. Cik Dg. Shalbia binti Abdul Ghani  
Timbalan Pengarah Perancangan dan Komunikasi Korporat**

**ATURCARA  
SEMINAR KAJIAN SEPARUH PENGGAL  
PERANCANGAN STRATEGIK MAMPU 2010  
20 JULAI 2010 (SELASA), DEWAN 10 PICC**

- 0830** - **Ketibaan Peserta dan Pendaftaran**
- 0900** - **Ketibaan YBhg. Dato' Mohamad Zabidi Zainal, Ketua Pengarah MAMPU**  
- **Nyanyian lagu Negaraku dan MAMPU Terbilang**  
- **Bacaan Doa**  
- **Ucapan Perasmian YBhg. Dato' Mohamad Zabidi Zainal, Ketua Pengarah MAMPU**
- 0945 – 1015** - **Ulasan Pencapaian Separuh Penggal MAMPU 2010 oleh Encik Mohd. Khamde Khuzaini Tukiman, Pengarah BPKK**
- 1015 – 1045** - **Pembentangan Pencapaian Separuh Penggal Sektor Pengurusan (BPKK) oleh Encik Mohd. Khamde Khuzaini Tukiman, Pengarah BPKK**
- 1045 – 1115** - **Pembentangan Pencapaian Separuh Penggal Sektor Pengurusan (BKPSM) oleh Puan Hajah Umi Khalthom Mohamad Din, Pengarah BKPSM**
- 1115 – 1215** - **Pembentangan Pencapaian Separuh Penggal Sektor ICT oleh YBhg. Dato' Dr. Nor Aliah Mohd Zahri, TKP (ICT)**
- 1215 – 1430** - **Sesi Bergambar**  
- **Makan Tengahari/Rehat**

- 1430 – 1530** - **Pembentangan Pencapaian Separuh Penggal Sektor PT oleh YBrs. Encik Ab. Rahim Md. Noor, TKP (PT)**
- 1530 – 1630** - **Pembentangan Hasil Kajian Semula Pelan Strategik MAMPU 2008-2012 oleh YBhg. Dato' Dr. Nor Aliah Mohd Zahri, TKP (ICT)**
- 1630 – 1700** - **Rumusan Pencapaian Separuh Penggal MAMPU oleh Encik Mohd. Khamde Khuzaini Tukiman, Pengarah BPKK**
- 1700 – 1730** - **Ucapan Penutupan oleh YBhg. Dato' Mohamad Zabidi Zainal, Ketua Pengarah MAMPU**
- 1730** - **Minum Petang**  
- **Bersurai**

**TEKS UCAPAN  
YBHG. DATO' MOHAMAD ZABIDI ZAINAL**

**SEMPENA**

**SEMINAR KAJIAN SEPARUH PENGGAL  
PERANCANGAN STRATEGIK MAMPU 2010**

**TARIKH/MASA  
20 JULAI 2010 (SELASA), 9.00 PAGI**

**TEMPAT  
DEWAN 10  
PUSAT KONVENSYEN ANTARABANGSA PUTRAJAYA (PICC)**

**Assalamualaikum, Salam Kegemilangan dan Salam 1Malaysia.**

**Yang Dihormati Saudara/Saudari Pengacara Majlis,**

**YBhg. Dato' Dr. Nor Aliah binti Md Zahri  
Timbalan Ketua Pengarah (ICT)**

**YBrs. Encik Ab. Rahim bin Md. Noor  
Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Pengurusan dan  
Transformasi)  
Ketua-ketua Perunding ICT Sektor Awam,**

**Pengarah-Pengarah Bahagian/Cawangan,**

**Perunding-perunding ICT Sektor Awam,**

**Timbalan-timbalan Pengarah Bahagian/ Cawangan,**

**Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian.**

Alhamdulillah, segala puji dan syukur dipanjatkan ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia dan inayahNya maka dapat kita bersama-sama berkumpul pada pagi yang indah lagi ceria ini.

2. Seperti kita semua sedia maklum, penetapan Sasaran Kerja Tahunan (SKT) MAMPU bagi tahun 2010 telah ditetapkan di dalam Seminar Perancangan Strategik yang diadakan pada awal tahun. Penetapan SKT in merekodkan sebanyak 607 program/projek/ aktiviti yang telah pun dimasukkan ke dalam sistem myPrestasi. Oleh itu, pada seminar kali ini, kita akan dapat menilai pencapaian semua program/projek/aktiviti tersebut.

3. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Bahagian/Cawangan, di atas prestasi pencapaian yang Gemilang (24 index point, melebihi 100% daripada sasaran) dan Cemerlang (20 index point, melebihi 90% daripada sasaran) bagi program-program berikut:



- i. Menjalankan Program Breakthrough Ease of Doing Business (BeKL)**
- ii. Pengoperasian EG Helpdesk (BPGICT)**
- iii. Khidmat Nasihat Pelaksanaan Inisiatif MyID (BPPEG)**
- iv. Interoperability Innovations Initiatives (BDPICT)**
- v. Pelaksanaan Softcert bagi Aplikasi PRISMA (BPICT)**
- vi. Khidmat Nasihat Projek Peralihan Sistem Imigresen Malaysia (PPICT)**
- vii. Program Peningkatan Daya Saing Negara – Pemantauan Inisiatif Falisitasi Bisnes (BPP)**
- viii. Pembangunan Pelan Strategik Integriti (PSI) Sektor Awam (BTSA)**
- ix. Penerbitan Panduan Inovasi (BIP)**
- x. Melaksanakan Sistem Audit Nilai (BKPSM)**
- xi. Lawatan Inspektorat ICT Agensi Persekutuan di Sarawak (MAMPU Cawangan Sarawak)**
- xii. Lawatan Penandaarasan Pelaksanaan Amalan Terbaik Organisasi (BIP)**

**4. Walau bagaimanapun, kita perlu mengambil perhatian dan tindakan untuk meningkatkan prestasi pencapaian bagi program/projek/ aktiviti yang didapati Lemah (6 index point, kurang 80% daripada sasaran) seperti berikut:**

- i. Projek Sistem Pengurusan Aset Tak Alih (SPATA)**
- ii. Program Pusat Simulasi GCERT**
- iii. Kajian Insentif Penggalakan Penggunaan**

## Perkhidmatan Online

- iv. Kajian Keberkesanan ICT Sektor Awam
  - v. Program Outreach Pengukuhan Sistem Penyampaian Perkhidmatan Awam di Sarawak
5. Justeru itu, adalah amat penting di dalam forum ini kita memberi fokus untuk restrategise tindakan bagi meningkatkan prestasi pencapaian program/projek/aktiviti terutamanya yang menunjukkan prestasi Sederhana (12 index point, 80-80.9% daripada sasaran) dan Lemah (6 index point, kurang 80% daripada sasaran) bagi memastikan kejayaan pelaksanaannya pada tahun ini.
6. Selain prestasi program/projek/aktiviti, saya juga suka melihat kepada prestasi perbelanjaan dan kekuatan modal insan. Pada tahun 2010, MAMPU telah diperuntukkan sebanyak RM229,116,746.35 dan pada tahun 2009 sebanyak RM235,264,900.00. Peruntukan MAMPU bagi tahun ini telah dikurangkan sebanyak 2.6% berbanding tahun 2009. Setakat Jun 2010, MAMPU telah membelanjakan sebanyak RM63,712,003.65 iaitu 21.76% daripada keseluruhan peruntukan. Tahun ini diharapkan perbelanjaan kita mengikut jadual dan dapat semua pembayaran dapat diselesaikan menjelang hujung tahun.
7. Bagi kekuatan tenaga kerja pula, bagi tempoh Januari hingga Jun 2010, jumlah pertambahan pengisian adalah sebanyak 91 orang. Ini menjadikan jumlah keseluruhan

pengisian adalah sebanyak 630 daripada keseluruhan 736 perjawatan berbanding jumlah keseluruhan pengisian sebanyak 587 setakat hujung tahun 2009. Ini menunjukkan kekuatan modal insan telah meningkat sebanyak 12.36% setakat pertengahan tahun ini dan masih terdapat 106 perjawatan yang belum diisi.

8. Selain itu, forum ini juga amat penting untuk membincangkan hala tuju program/projek/aktiviti MAMPU supaya sentiasa selari dengan kehendak dan aspirasi kepimpinan negara bagi membolehkan MAMPU kekal relevan.

9. Di dalam konteks ini, kita perlu memberi perhatian terhadap senario persekitaran semasa serta cabaran dan perubahan yang dapat mempengaruhi hala tuju perancangan strategik MAMPU. Pada masa ini, MAMPU wajar melaksanakan program/projek/aktiviti yang mencerminkan aspirasi Kerajaan berasaskan kepada 4 tonggak utama seperti yang disarankan oleh YAB Perdana Menteri iaitu "Gagasan 1Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan", Program Transformasi Kerajaan (GTP), Model Baru Ekonomi dan Rancangan Malaysia Ke-10.

10. Bagi merealisasikan aspirasi Kerajaan ini, kita perlu menggandakan usaha untuk meningkatkan kualiti sistem penyampaian Perkhidmatan Awam di samping bertindak sebagai pemacu dan pemudah cara pelaksanaan program pemodenan dengan lebih berkesan. Ini menuntut transformasi cara bekerja

supaya mementingkan kepantasan di dalam membuat keputusan dan pelaksanaan (speed decision and execution) kerana kini business is really not as usual di mana Kerajaan perlu menyampaikan perkhidmatan yang melangkaui ekspektasi kepada rakyat.

11. Sehubungan dengan itu, semua Bahagian/Cawangan hendaklah mengambil kira dan memandang serius mengenai perkara ini dalam melaksanakan program/projek/aktiviti Bahagian. Saya percaya melalui seminar ini kita akan dapat melihat bukan lagi hanya output tetapi outcome kepada ratusan mungkin ribuan program dan aktiviti yang telah kita rancang bagi tahun 2010.

12. Walau bagaimanapun, sekiranya masih ada program/projek/aktiviti yang masih belum jelas outcome yang bakal diperoleh, melalui seminar sebeginilah kita akan membincangkan dan memperhalusinya. Percambahan idea sebegini melihatkan program/projek/aktiviti setiap Bahagian dapat dikongsi bersama dan dilaksanakan berdasarkan keutamaan.

13. Saya percaya semua Pengarah Bahagian/Cawangan, semua Warga MAMPU komited untuk bersama-sama saya dan Pengurusan MAMPU menjayakan agenda transformasi MAMPU dan agenda transformasi Perkhidmatan Awam. Diharap rasa tanggungjawab ini dapat dikongsi bersama dan all of us share

**the ownership as 1MAMPU. Together We Transform!**

**14. Dengan lafaz kalimah suci Bismillahirrahmanirahim saya merasmikan Seminar Kajian Separuh Penggal Perancangan Strategik MAMPU 2010.**

**Sekian. Wabillahitaufik walhidayah wasalam mualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih.**